

# Rakan Borneensis beri hasil positif

UB 28.3.2019 A2

Oleh SADDAM EDRIS

**KOTA KINABALU:** Program Rakan Borneensis yang dianjurkan oleh Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama tiga hari bermula 25 Mac, dilihat memberi hasil positif kepada kesedaran menjaga alam sekitar dalam kalangan generasi muda.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamaruddin D Mudin berkata program itu adalah bersempena penganjuran Biodiversity Festival 2019 yang julung kali diadakan di

institut berkenaan.

Katanya, menerusi program itu, peserta didedahkan dengan ilmu serta kemahiran berkaitan penghayatan kepelbagaian serangga, tumbuhan, mamalia, burung dan sebagainya.

“Diharapkan aktiviti pendidikan alam sekitar ini telah meningkatkan tahap kesedaran peserta mengenai pentingnya menjaga khazanah alam semula jadi.

“Setelah melaksanakan program ini selama tiga hari dengan penglibatan seramai 39 pelajar dari 12 sekolah menengah, sembilan sekolah rendah dan satu *home school*’, saya melihat ini

sebagai satu perkembangan positif tahun ini,” katanya ketika merasmikan Biodiversity Festival 2019 dan Penutupan Program Rakan Borneensis, di sini pada Rabu.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam Profesor Dr Baba Musta.

Tambah Kamaruddin, sekiranya jumlah peserta meningkat pada tahun depan, beliau mencadangkan supaya program seumpama itu diadakan di daerah lain di seluruh Sabah.

*#Bersambung di muka A2#*



**RAKAN** Borneensis merakam gambar kenangan bersama tetamu kehormat pada majlis penutupan yang berlangsung di IBTP UMS.